

Langkah-langkah Memupuk Amalan Nilai-nilai Murni di Kalangan Rakyat

Amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia sememangnya penting dan kerap menjadi bahan perbincangan di kalangan pemimpin negara. Kajian menunjukkan bahawa amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat masih lagi kurang (1) _____. Hal ini dapat dibuktikan dengan kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat dan pencemaran alam sekitar yang berlaku. Pada pendapat saya, jika amalan nilai-nilai murni ini tidak dipertingkatkan, maka imej negara akan (2) _____ dan hasrat untuk menjadi negara maju akan terganggu. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu dilakukan untuk memperbaiki amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat.

Pihak yang paling berperanan dalam memupuk nilai-nilai murni di kalangan rakyat ialah pihak kerajaan. Hal ini kerana, pihak kerajaan mempunyai (3) _____ dalam negara dan mempunyai sumber kewangan bagi melaksanakan program yang dirancang. Kerajaan nampaknya telah menyedari kepincangan amalan nilai murni di kalangan rakyat dan telah bertindak dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan juga telah melaksanakan program yang dapat melahirkan modal insan yang berkualiti melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Oleh itu, semua pihak mestilah (4) _____ usaha-usaha kerajaan dalam menerapkan amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat.

Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni dalam kehidupan anak-anak. Hal ini kerana ibu bapa adalah (5) _____ pertama kepada anak-anak dan banyak masa anak-anak dihabiskan bersama ibu bapa. Ibu bapa mesti mengajar anak-anak tentang nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dalam keluarga. Antara nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dalam keluarga ialah nilai kasih sayang, hormat-menghormati dan (6) _____. Jika ibu bapa dapat menjadi contoh kepada anak-anak dalam mengamalkan nilai-nilai murni, pasti tugas yang dipikul oleh kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai murni akan berkurangan.

Masyarakat juga mempunyai tanggungjawab dalam melahirkan rakyat yang mengamalkan nilai-nilai murni. Persekitaran masyarakat banyak memberikan kesan kepada (7) _____ generasi akan datang. Jika amalan nilai-nilai murni diamalkan oleh masyarakat maka ia pasti akan menjadi contoh dan ikutan kepada generasi muda. Antara nilai-nilai murni yang mesti diamalkan oleh masyarakat ialah nilai rasional dan berfikiran (8) _____. Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum amat memerlukan amalan nilai rasional dan berfikiran positif dalam kehidupan seharian agar negara aman dan makmur.

Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranan dalam menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat. Hal ini kerana Kementerian Pelajaran mempunyai kuasa untuk (9) _____ dasar pelajaran di sekolah. Pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di sekolah membolehkan pelajar mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Kandungan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan juga dapat (10) _____ pelajar mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Namun demikian, pihak Kementerian Pelajaran mesti sentiasa memantau keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran ini dari semasa ke semasa.

Selain itu, media massa juga boleh memainkan peranan memupuk amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat. Keupayaan media massa mempengaruhi sikap masyarakat memang tidak dapat disangkal lagi. Media elektronik boleh menyiarkan program-program yang dapat memupuk amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat. Pihak TV3 misalnya telah berjaya memupuk amalan nilai baik hati di kalangan masyarakat melalui Program Bersamamu. Justeru, (11) _____ daripada media massa dalam memupuk amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat perlu diiktiraf dan diberikan penghargaan sewajarnya oleh kerajaan.

Daripada huraian di atas, jelaslah bahawa pelbagai pihak berperanan untuk memupuk amalan nilai-nilai murni di kalangan rakyat. Pada pendapat saya, tindakan untuk melahirkan rakyat yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mesti dibuat secara (12) _____. Di samping pelaksanaan program penerapan nilai-nilai murni, penguatkuasaan undang-undang juga perlu dibuat oleh pihak kerajaan. Sikap pemandu yang tidak (13) _____ peraturan semasa berada di jalan raya dan sikap masyarakat yang mencemarkan alam sekitar perlu diambil tindakan sewajarnya oleh pihak yang berkuasa. Amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan rakyat pasti dapat diperbaiki jika semua pihak (14) _____ bahu mengatasi masalah yang dihadapi.

memuaskan (令人满意) tercemar (被污染) kuasa (权力) menyokong (支持) guru (老师) tanggungjawab (责任) kualiti (素质)	positif (积极的) menggubal (制定) mendidik (教育) sokongan (支持) berterusan (持续的) mematuhi (遵守) berganding (携手合作)
---	---